

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]

TARIKH : 04 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) apakah pihak Kementerian telah melaksanakan sepenuhnya gaji minima termasuk dalam sektor swasta; dan
- (b) apakah kesan pelaksanaan gaji minima ini untuk syarikat-syarikat baru dan kecil yang terpaksa membayar gaji minima dan adakah terdapat syarikat-syarikat baru dan kecil ini telah didenda dan disabitkan kes.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah melaksanakan gaji minimum seragam seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2019. Kadar tersebut adalah terpakai kepada seluruh pekerja sektor swasta. Kementerian Sumber Manusia, melalui Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) iaitu salah satu jawatankuasa di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) sedang menjalankan Kajian Impak Pelaksanaan Gaji Minimum terhadap Perusahaan Kecil dan

SOALAN NO: 18

Sederhana (PKS). Kajian ini dijangka akan selesai pada bulan September 2019 dan hasil kajian ini kelak akan dijadikan panduan kepada MPGN dan kerajaan dalam membuat keputusan berkenaan hala tuju dasar gaji minimum.

2. Bagi memastikan pelaksanaan dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan tersebut ialah pemeriksaan berkanun, aduan, kes buruh dan pendakwaan.

3. Dasar gaji minimum telah dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2014. Mulai dari tarikh tersebut sehingga 31 Mei 2019, sebanyak 717 kes pendakwaan telah dijalankan ke atas majikan yang tidak mematuhi gaji minimum di seluruh negara. Daripada jumlah kes pendakwaan tersebut, sebanyak 507 kes pendakwaan melibatkan majikan di Semenanjung Malaysia, 129 kes pendakwaan melibatkan majikan di Sabah dan 81 kes pendakwaan majikan di Sarawak. Jumlah denda yang telah dikenakan bagi semua kes pendakwaan yang telah selesai di seluruh negara adalah sebanyak RM1,029,150.00.

4. Kesimpulannya, Kerajaan melalui JTK sentiasa memantau aspek pematuhan undang-undang gaji minimum. Jika mana-mana pihak pekerja mendapati gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan.